

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**25 OGOS 2017**

---

**1. TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN  
PENGENAAN NOTIS CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL  
KEDUA 2017**

Dimaklumkan bahawa tarikh akhir bagi menjelaskan cukai taksiran penggal kedua 2017 adalah pada 31 Ogos 2017.

Waktu operasi kaunter bayaran di Ibu Pejabat Bandar Perda akan dilanjutkan pada 30 Ogos 2017 mulai 7.30 pagi hingga 8.30 malam.

Kaunter bayaran akan ditutup pada 31 Ogos 2017 memandangkan ianya hari cuti umum sempena Hari Kebangsaan. Namun begitu, pembayar cukai masih boleh membuat urusniaga pembayaran secara online pada tarikh 31 Ogos 2017.

Selepas dari tempoh tersebut, MPSP akan mengenakan caj Notis E sebanyak RM10.00 bermula 5 September 2017 ke atas

pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Sila jelaskan cukai taksiran dengan segera bagi mengelakkan harta disita atau tindakan undang-undang akan diambil oleh MPSP.

**2. PROMOSI OGOS 2017: BAYARAN CUKAI TAKSIRAN MPSP BAGI PENGGAL KEDUA 2017 SECARA *ONLINE* ATAU MELALUI AGENSI KUTIPAN**

Sukacita saya memaklumkan bahawa pada bulan Ogos 2017 ini, MPSP telah mengadakan promosi bayaran cukai taksiran kepada pemilik yang menjelaskan cukai taksiran penggal kedua 2017 berserta tunggakan secara ***online* atau melalui agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.**

MPSP amat menggalakkan orang ramai membiasakan diri untuk membuat bayaran cukai taksiran secara *online* bagi mengelakkan kesesakan di kaunter bayaran MPSP, dan secara langsung ianya juga lebih mudah dan pantas serta menjimatkan masa dan kos.

Promosi ini telah bermula pada 1 Ogos 2017 dan akan tamat pada 31 Ogos 2017.

Pembayar cukai yang membuat bayaran bil penggal kedua 2017 berserta tunggakan (jika ada) pada bulan Ogos 2017 serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan menerima lima (5) buku kupon letak kereta percuma bernilai RM20.00 sebagai insentif galakan membayar pada masa yang ditetapkan.

Tuntutan kupon letak kereta boleh dibuat di semua kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, kaunter cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan kaunter cawangan MPSP di Jawi pada waktu bekerja pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang mulai **4 September 2017 hingga 31 Oktober 2017**. Pembayar cukai perlu mengemukakan bukti pembayaran yang telah dibuat semasa membuat tuntutan berkenaan.

Saluran bayaran secara *online* yang telah disediakan adalah seperti berikut (**18 saluran**) :-

- a. Laman web MPSP : [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)

b. Lawan web Kerajaan Negeri Pulau Pinang :

<https://ebayar.penang.gov.my>

c. Perbankan Internet:

- |       |                            |       |                    |
|-------|----------------------------|-------|--------------------|
| i.    | Bank Islam Malaysia Berhad | ix.   | Bank Muamalat      |
| ii.   | Maybank                    | x.    | Agro Bank          |
| iii.  | Alliance Bank              | xi.   | CIMB Bank          |
| iv.   | Ambank                     | xii.  | HSBC               |
| v.    | RHB Bank                   | xiii. | UOB                |
| vi.   | BSN                        | xiv.  | MBF Cards (Ambank) |
| vii.  | Affin Bank                 | xv.   | Citibank           |
| viii. | Public Bank                | xvi.  | Jompay             |

Manakala senarai agen-agen kutipan kaunter yang sah dilantik

MPSP adalah seperti berikut (**6 agen**) :-

- i. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- ii. Bank Rakyat
- iii. PDC
- iv. PBA
- v. Pos Malaysia
- vi. TNB

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila layari [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau menghubungi di talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 / 891.

### **3. PROGRAM PENANAMAN POKOK TEKOMA (*TABEBUIA SPP.*) TERBESAR**

Sempena sambutan bulan kemerdekaan, Majlis akan menganjurkan program penanaman pokok Tekoma (*Tabebuia SPP*) pada 27 Ogos 2017 (Ahad) sebanyak 3000 batang pokok melibatkan 13 lokasi di seluruh Seberang Perai merangkumi Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah & Seberang Perai Selatan.

Penanaman pokok Tekoma ini adalah selari dengan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu “*Cleaner, Greener, Safer, Healthier Penang*”. Program sebegini merupakan sebahagian daripada hasrat Kerajaan untuk mewujudkan suasana persekitaran yang segar dan nyaman, memberi kesedaran bahawa menghijaukan dan memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak, serta memupuk minat menanam

pokok dan mencintai alam sekitar bagi rakyat Malaysia khususnya di Negeri Pulau Pinang.

Program penanaman pokok sempena bulan kemerdekaan akan menjadi acara tahunan yang menjadi kebanggaan penduduk Seberang Perai dalam usaha untuk mencapai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandar Pintar menjelang 2022.

#### **4. CADANGAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KOMPLEKS MAKANAN / PASAR AWAM TIDAK AKTIF MILIK MPSP**

Untuk makluman, MPSP mempunyai keseluruhan 58 buah Kompleks Makanan dan Pasar Awam Tidak Aktif (53 buah Kompleks Makanan dan 5 Pasar Awam). Takrifan Tidak Aktif ini merujuk kepada ruang niaga yang tidak digunakan / terbiar tanpa ada sebarang bentuk aktiviti berlangsung di situ. Punca utama yang dikenalpasti adalah kerana ruang niaga ini berada di lokasi yang kurang strategik dan tidak mendapat sambutan. Walaubagaimanapun, MPSP telah menjalankan usaha-usaha berterusan bagi menghidupkan kembali ruang niaga ini agar dapat digunakan semula. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MPSP adalah:

- i. Mewujudkan Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Awam (Pasar Awam dan Pusat Penjaja) MPSP yang diluluskan pada 27 Jun 2013 yang mana aspek peletakan dan lokasi gerai diberi penekanan di samping spesifikasi gerai yang lebih kondusif untuk aktiviti perniagaan. Premis-premis yang terbiar ini telah wujud sebelum tahun 2013.
- ii. Mengiklankan senarai Kompleks Makanan / Pasar Awam Tak Aktif ini melalui laman web Majlis.
- iii. Membuat hebahan kepada Ahli Majlis supaya pihak Ahli Majlis juga boleh memanjangkan iklan kepada orang awam.
- iv. Mewujudkan Mesyuarat Jawatankuasa Kompleks Tidak Aktif yang bermesyuarat setiap bulan untuk menimbangkan permohonan baru dan membincangkan isu berkaitan kompleks tidak aktif.
- v. Hebahan kepada agensi yang mempunyai usahawan seperti MARA dan KPDKKK.
- vi. Hebahan kepada JKKK atau NGO bersesuaian untuk mengadakan aktiviti kitar semula atau aktiviti kemasyarakatan di gerai Majlis yang tidak aktif supaya ianya dimanfaatkan.

Hasil daripada usaha-usaha tersebut, sehingga Ogos 2017 daripada keseluruhan 58 buah Kompleks Makanan / Pasar

Awam yang tidak aktif ini, sebanyak 37 buah (35 Kompleks Makanan / 2 Pasar Awam) telah berjaya disewakan. Oleh yang demikian, MPSP ingin memberi peluang dan menawarkan kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk menyewa dan menguruskan 21 buah Kompleks Makanan / Pasar Awam Tidak Aktif ini untuk menjalankan sebarang bentuk aktiviti bersifat kemasyarakatan atau pun komersial.

Oleh yang demikian, Majlis mengalu-alukan kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk menyewa dan menguruskan 21 buah Kompleks Makanan / Pasar Awam Tidak Aktif ini untuk menjalankan sebarang bentuk aktiviti bersifat kemasyarakatan atau pun komersial.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut tuan / puan boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MPSP di talian 04-5497680 / 857.

## **5. PENGECUALIAN BAYARAN LESEN PEMUNGUTAN SAMPAH YANG BOLEH DIKITAR SEMULA**

Seperti semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah mewartakan Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah Dan

Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 yang mewajibkan mana-mana individu / persatuan / badan berkanun dan syarikat yang menjalankan aktiviti kutipan sampah yang boleh dikitar semula untuk membuat permohonan Lesen Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula.

Kadar bayaran lesen tersebut mengikut kategori adalah seperti berikut :

- |                                |   |           |
|--------------------------------|---|-----------|
| i. Individu                    | - | RM 50.00  |
| ii. Persatuan / Badan Berkanun | - | RM 70.00  |
| iii. Syarikat                  | - | RM 100.00 |

Namun begitu, setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak dan mempertimbangkan beberapa faktor, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah bersetuju untuk mengecualikan kadar bayaran lesen bagi Lesen Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula kepada pihak-pihak tertentu yang menjalankan aktiviti pemungutan sampah boleh dikitar semula di bawah Kerajaan Negeri dan MPSP.

Pengecualian tersebut adalah selaras dengan peruntukan 28, Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016, yang menyatakan seperti berikut:

“Majlis boleh, jika didapati selaras dengan maksud Undang-Undang Kecil ini atau demi kepentingan awam, mengecualikan mana-mana orang atau mana-mana golongan orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil atau mana-mana garis panduan yang dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dan Majlis boleh mengubah atau menambah kepada syarat yang telah dinyatakan sedemikian.” Di samping itu, mana-mana lesen aktif yang tidak diperbaharui melebihi tempoh 1 tahun, lesen tersebut akan dibatalkan kerana dianggap pemilik lesen tidak lagi menjalankan aktiviti perniagaan dan dikategorikan sebagai lesen tidak aktif.

Pihak-pihak tertentu yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- i. Semua JKKK di bawah naungan Kerajaan Negeri.

- ii. Persatuan penduduk yang berdaftar.
- iii. NGO yang berdaftar.
- iv. Masjid dan rumah ibadat.
- v. Pihak yang tidak berdaftar boleh mendapatkan pengecualian dengan syarat melibatkan MPSP dalam program yang dijalankan.

Walau bagaimanapun, pengecualian yang diberikan tersebut masih memerlukan pihak-pihak yang disenaraikan untuk membuat permohonan Lesen Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula dengan pihak MPSP.

Sekiranya terdapat sebarang penjelasan lanjut berkaitan perkara ini, sila hubungi Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian no. 04-5497679 / 04-5497680.

## **6. PENETAPAN TARIKH TAMAT BARU LESEN PREMIS DAN IKLAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

Mulai 1 Januari 2018, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan menetapkan tarikh tamat lesen premis perniagaan di seluruh kawasan Seberang Perai adalah pada 31

Disember setiap tahun. Penetapan ini adalah untuk menggantikan tarikh tamat lesen sedia ada yang tamat mengikut tarikh lesen premis perniagaan dikeluarkan kepada pemohon / pemegang lesen iaitu tarikh ke tarikh (*date to date*).

Pelaksanaan dasar ini adalah untuk memastikan semua lesen yang dikeluarkan oleh MPSP diperbaharui sebelum tempoh tamat lesen dan memudahkan tindakan penguatkuasaan terhadap pemegang lesen yang gagal memperbaharui lesen premis perniagaan.

Bagi tahun permulaan pelaksanaan (tahun 2018), mana-mana pemegang lesen yang memperbaharui lesen premis perniagaan sebelum tarikh tamat lesen, kadar lesen yang akan dikenakan adalah secara pro rata (*pro rate*) mengikut jumlah baki bulan sehingga 31 Disember 2018. Manakala bagi pemegang lesen yang memperbaharui lesen premis perniagaan selepas tarikh tamat lesen, MPSP akan mengenakan kadar lesen penuh untuk setahun walau pun lesen diperbaharui untuk tempoh beberapa bulan sehingga 31 Disember.

Contoh pengiraan kadar lesen adalah seperti berikut :

Tarikh Tamat Lesen : 01/08/2018

Kadar Bayaran Lesen : RM 120.00

(termasuk kadar lesen papan iklan)

SITUASI	TARIKH TAMAT LESEN	KADAR BAYARAN LESEN YANG DIKENAKAN
Pembaharuan Sebelum Tarikh Tamat Lesen	31/12/2018	RM 50.00 (RM 120.00 / 12 bulan) x 5 bulan
Pembaharuan Selepas Tarikh Tamat Lesen	31/12/2018	RM 120.00

Di samping itu, mana-mana lesen aktif yang tidak diperbaharui melebihi tempoh 1 tahun, lesen tersebut akan dibatalkan kerana dianggap pemilik lesen tidak lagi menjalankan aktiviti perniagaan dan dikategorikan sebagai lesen tidak aktif.

Sekiranya pengusaha perniagaan / pemegang lesen mempunyai sebarang penjelasan lanjut berkaitan dasar ini, sila hubungi Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian no. 04-5497679 / 04-5497680.

## **7. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-60**

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-60 pada 31 Ogos 2017 (Khamis) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari cuti umum. Tema 'Negaraku Sehati Sejiwa' telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan 2017. Tema tersebut dipilih bertujuan untuk menunjukkan pentingnya rakyat Malaysia berbilang kaum mempunyai semangat bersatu padu.

Sehubungan itu, adalah diharapkan semua warga Seberang Perai terutama pemilik premis perniagaan dapat menghias premis, kediaman, bangunan dan kawasan dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Kerjasama daripada semua pihak didahului dengan ucapan terima kasih.

## **8. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA**

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 1 September 2017 (Jumaat). Hari tersebut merupakan hari cuti umum. Saya

menyeru kepada semua pemandu yang memandu jarak jauh supaya berhati-hati semasa memandu, pastikan kenderaan berada dalam keadaan baik dan berhati-hati semasa di jalanraya.

## **9. SAMBUTAN HARI MALAYSIA**

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September 2017 (Sabtu). Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan persekutuan Malaysia di tarikh yang sama pada tahun 1963.

## **10. SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARRAM 1439H**

Kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat menyambut Awal Muharram 1439 Hijrah iaitu bersamaan dengan 22 September 2017 (Jumaat) dan hari tersebut merupakan cuti umum.

## **11. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan

pada 17 September 2017 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 September 2017 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

Sebagai makluman Program *Car Free Morning @ Seberang Perai* pada 3 September 2017 (Ahad) termasuk Senamrobik ditangguhkan kerana menyambut Hari Raya Aidil Adha.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**